



MSM catat untung RM15.88 juta

KUALA LUMPUR: Keuntungan bersih MSM Malaysia Holdings Bhd meningkat kepada RM15.88 juta dalam suku ketiga yang berakhir 30 September 2018 daripada RM10.42 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu, berikutan kos bahan mentah lebih rendah dan kadar pertukaran asing yang menguntungkan.

Bagaimanapun, hasil bagi suku berkenaan turun kepada RM562.05 juta daripada RM667.11 juta sebelumnya, disebabkan oleh pengurangan empat peratus dalam keseluruhan muatan yang terjual dan purata harga jualan yang lebih rendah.

Bagi tempoh sembilan bulan, pengeluar gula bertapis itu mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM46.01 juta berbanding kerugian bersih RM45.66 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu berikutan kos bahan mentah lebih rendah dan kadar pertukaran asing yang menguntungkan.

Hasil bagi tempoh berkenaan berkurangan kepada RM1.68 bilion daripada RM2.01 bilion sebelumnya berikutan keseluruhan muatan terjual yang lebih rendah.

Mengenai prospek bagi tempoh berbaki tahun kewangan semasa yang berakhir 31 Disember 2018, kumpulan itu berkata ia yakin akan terus mencatatkan keuntungan bagi tahun ini.

AGENCY: Berita Harian

LINK: <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2018/11/500578/msm-catat-untung-rm1588-juta>